

31/10/2003

Pasaran Bon Asia beri kesan positif

INISIATIF Penubuhan Pasaran Bon Asia (ABMI) akan membawa kesan positif kepada ekonomi negara Asia Timur berikutan kemampuannya memperdalam pasaran modal tempatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keadaan itu akan membolehkan simpanan digembleng di Asia bagi projek pembangunan, sama ada yang dilaksanakan kerajaan atau pihak swasta.

"Melalui mekanisma bon, peminjam dapat mengelak masalah `mismatch' pembiayaan seperti yang berlaku semasa krisis kewangan, di mana pinjaman jangka pendek digunakan untuk membiayai pelaburan jangka panjang.

"Dengan wujudnya saluran alternatif iaitu selain pasaran ekuiti, pasaran bon Asia yang dinamik akan dapat memastikan ekonomi tempatan lebih berdaya tahan dalam menangani risiko sistemik sekiranya berlaku kejutan di masa hadapan," katanya ketika menjawab soalan Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju) di Dewan Rakyat, semalam.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia mempunyai pengalaman yang boleh dikongsi bagi memajukan ABMI kerana memiliki kemudahan asas bagi membangunkan pasaran bon tempatan.

Katanya, ia termasuk persekitaran kawal selia yang kukuh, sistem kewangan mantap, sektor korporat yang semakin kukuh dan infrastruktur mencukupi untuk penyelesaian pembayaran.

Beliau menegaskan, kesungguhan Malaysia dalam memastikan kejayaan juga kerana Malaysia berhajat memperluaskan lagi pasaran modal Islam di rantau ini.

Menjawab soalan tambahan Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman) mengenai bagaimana ABMI boleh memulihkan pertumbuhan ekonomi negara Asia kerana mendakwa "tidak nampak" pasaran untuk pembelian bon, Dr Mahathir berkata negara Asia menyimpan rizab yang besar di negara maju.

"Kalau kita buka mata, kita akan nampak pasaran ini. Sebenarnya, negara Asia menyimpan rizab di negara maju... berbilion dana rizab negara Asia disimpan di negara maju," katanya.

Perdana Menteri berkata, malangnya negara Asia sebenarnya memberi keuntungan percuma kepada negara maju yang mengenakan faedah tiga peratus ke atas rizab dan menetapkan faedah lima peratus jika negara Asia ingin membuat pinjaman.

"Mereka (negara maju) yang simpan duit itu sebenarnya berhutang kepada negara Asia kerana kita membayar faedah ke atas wang simpanan kita dan mereka (negara maju) bankrap... mereka hidup dengan membelanjakan wang kita," katanya.

(END)